

20/11/2000

Pemilihan Antonysamy tidak disenangi

Magendran Rajagopal

PILIHAN RAYA kecil bagi mengisi kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lunas pada 29 November ini menjadi berita utama akhbar bahasa Tamil tempatan, terutama mengenai kemelut berhubung pemilihan calon yang sesuai.

Anggota MIC Lunas dikatakan kurang senang dengan pemilihan S Antonysamy, 59, seorang peguam dari Sungai Petani kerana beliau bukan anak jati Lunas dan kurang memahami masalah serta keperluan masyarakat di sana.

Walaupun tiada pengumuman rasmi dibuat, akhbar Tamil tempatan begitu yakin bahawa Antonysamy adalah nama pilihan pertama yang dikemukakan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu beberapa nama lain yang dikatakan menaruh harapan menjadi calon ialah bekas senator dan Ketua MIC bahagian Padang Serai, S Parasuraman, 53; Setiausaha MIC Kedah, S Ganesan, 41; Ketua Pemuda MIC Kedah, R Nanthakumar, 31, dan Timbalan Ketua MIC bahagian Kulim, S Muniandy.

Bagaimanapun, Malaysia Nanban (Nanban) edisi Sabtu lalu, melaporkan bahawa Samy Vellu memberi jaminan semua anggota serta pucuk pimpinan MIC Kedah sudah membincangkan perkara itu dengannya dan memberi mandat menyokong penuh calon pilihan Barisan Nasional (BN).

Dalam pada itu, pembunuhan Adun Lunas, Dr Joe Fernandez, masih terus mendapat tempat dalam akhbar Tamil tempatan berikutan tercetusnya penyebaran surat layang dalam Internet mengenai spekulasi beliau dibunuh.

Sehubungan itu, Tamil Nesan (Nesan) melaporkan bahawa Samy Vellu meminta polis menyiasat maklumat Internet berkenaan, yang kebanyakan dipaparkan di laman web parti pembangkang, bagi menyiasat kesahihannya.

Selain itu, isu berhubung pendirian sekolah Tamil dan Cina berhubung pelaksanaan Sekolah Wawasan turut menerima liputan meluas dalam akhbar Tamil sepanjang minggu ini.

Walaupun jaminan sudah diberi bahawa pembelajaran bahasa ibunda masyarakat Cina dan Tamil tidak akan terjejas, masih ramai ibu bapa dan guru bimbang mengenai keberkesanan langkah yang bakal diambil bagi memastikan pembelajaran bahasa ibunda terus terpelihara.

Meskipun manfaat Sekolah Wawasan sudah berulang kali dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Samy Vellu, ia nampaknya belum memberi keyakinan.

Masyarakat India masih sangsi kerana sebilangan besar kumpulan intelek serta akademik masyarakat Cina masih membantah pelaksanaan Sekolah Wawasan dengan alasan wujud kemungkinan ia mampu menghakis identiti serta budaya kaum itu.

Dalam perkembangan lain, akhbar Nanban, dalam editorialnya, menyelar Amerika yang mencampuri urusan dalaman Malaysia berhubung tindakan mahkamah terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Teguran itu dibuat berikutan tindakan sekumpulan ahli kongres Amerika memfailkan satu resolusi di Dewan Perwakilan negara itu, yang menuntut supaya semua tuduhan terhadap Anwar digugurkan serta merta.

Nanban mengumpamakan tindakan itu sebagai kata peribahasa ketam menyuruh anaknya berjalan betul kerana Amerika masih terus mendabik dada sebagai polis dunia walaupun sistem pemerintahannya sendiri banyak kepincangan.

Sebagai contoh, editorial itu merujuk kepada pemilihan Presiden Amerika

yang dihantui pelbagai skandal sehingga pengiraan semula terpaksa dibuat dan sistem pemerintahan negara itu nampaknya masih buntu mencari jalan penyelesaian.

(END)